

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Pengurusan Ladang Kertas 1 8885/1 ini mengandungi 2 bahagian:

- Bahagian A Terdapat 20 soalan struktur. Calon dikehendaki menjawab semua soalan.  
Bahagian B Terdapat 4 soalan esei. Calon dikehendaki menjawab mana-mana tiga soalan.

Calon diberi masa selama dua jam setengah untuk menjawab kedua-dua bahagian dalam soalan ini.

**PRESTASI CALON SECARA KESELURUHAN**

Prestasi keseluruhan calon bagi mata pelajaran ini adalah rendah. Kumpulan calon dibahagi kepada kumpulan tinggi, kumpulan sederhana dan kumpulan rendah. Bilangan calon yang mendapat markah maksima tiada perbezaan yang ketara dengan tahun sebelumnya. Sebahagian calon dapat menjelaskan hukum dalam pengurusan dengan baik. Terdapat juga calon yang baik dengan memberikan jawapan dengan jelas dan tepat. Namun terdapat juga calon yang memberikan jawapan mengeliru dan tidak menepati kehendak soalan.

**PRESTASI CALON MENGIKUT KUMPULAN****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak dan arahan soalan. Calon juga dapat memberi fakta yang tepat, isi dikembangkan dengan jelas dan dapat memberi contoh yang sesuai.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon memahami kehendak soalan tetapi fakta penting kurang lengkap dikemukakan. Calon juga kurang jelas dalam mengembangkan fakta penting. Contoh yang diberikan juga kurang tepat.

**Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon tidak memahami kehendak soalan. Fakta penting tidak dinyatakan dengan jelas. Jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan dan menyukarkan untuk diberi markah.

**PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN****Bahagian A****Soalan 1**

Prestasi calon dalam soalan ini adalah sederhana kerana sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menamakan ciri usahawan seperti yang

dikehendaki, terdapat juga calon yang tidak dapat menamakan dengan tepat kerana calon kurang pasti ciri-ciri usahawan seperti kehendak soalan. Soalan ini menghendaki calon menyatakan ciri usahawan iaitu inovatif.

### **Soalan 2**

Prestasi calon dalam soalan ini adalah baik kerana calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Calon dapat menyatakan urutan dengan betul langkah membuat keputusan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru dan memberi langkah yang salah. Soalan menghendaki calon melengkapkan carta alir langkah membuat keputusan.

### **Soalan 3**

Prestasi calon dalam soalan ini dengan baik. Calon dapat menyatakan kepentingan menilai semula sesuatu keputusan yang dibuat. Kebanyakan calon keliru dengan proses lain dalam membuat keputusan dan jawapannya kurang tepat. Soalan menghendaki calon menyatakan mengapa pentingnya penilaian semula terhadap sesuatu keputusan yang diambil.

### **Soalan 4**

Prestasi calon dalam soalan ini adalah baik kerana calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan calon dapat menyatakan kriteria buruh yang layak menerima insentif daripada majikannya. Terdapat juga calon yang memberi jawapan yang salah iaitu mengemukakan jenis buruh di ladang. Soalan menghendaki calon memberikan jawapan kriteria/syarat buruh mendapat insentif daripada majikan.

### **Soalan 5 (a)**

Prestasi calon dalam soalan adalah baik kerana kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan betul. Calon dapat memberi maksud input tetap dengan lengkap. Terdapat juga calon yang tidak lengkap memberi maksud input tetap Soalan menghendaki calon memberi dengan lengkap maksud input tetap.

### **Soalan 5(b)**

Prestasi calon dalam soalan adalah sederhana. Sebahagian kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Calon dapat memberi maksud penawaran dengan betul. Sebahagian besar calon tidak memberi jawapan yang betul dan keliru dengan hukum permintaan. Soalan menghendaki calon memberi maksud hukum penawaran dengan tepat.

### **Soalan 6**

Prestasi calon adalah rendah. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan dengan betul. Sebahagian kecil calon dapat menyatakan sebab susut nilai diambil kira dalam perancangan kewangan ladang. Soalan menghendaki calon memberi jawapan dengan mengambil kira kepentingan susut nilai terhadap perancangan kewangan ladang ternakan lembu.

### **Soalan 7**

Prestasi calon adalah memuaskan. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang betul. Calon dapat menamakan jenis modal dengan betul. Terdapat juga calon yang keliru

dan memberi jawapan input bukannya modal seperti arahan soalan. Soalan menghendaki calon mengkategorikan jenis modal berdasarkan rajah yang diberi.

#### **Soalan 8 (i)**

Prestasi calon adalah rendah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Sebahagian kecil calon dapat merekod urusanniaga dengan betul. Kebanyakan calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat dan tidak memenuhi peraturan pemarkahan Soalan menghendaki calon menyatakan jenis akaun yang perlu didebit iaitu akaun belian dengan nilai RM1200.

#### **Soalan 8 (ii)**

Prestasi calon adalah rendah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Sebahagian kecil calon dapat merekod urusanniaga dengan betul. Kebanyakan calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat dan tidak memenuhi peraturan pemarkahan Soalan menghendaki calon menyatakan jenis akaun yang perlu dikredit iaitu akaun bank dengan nilai RM1200.

#### **Soalan 9**

Prestasi calon adalah memuaskan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat mengaitkan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pemasaran hasil pertanian. Sebahagian kecil calon memberi jawapan agensi separa kerajaan. Calon sepatutnya hanya memberi jawapan agensi kerajaan sahaja sebagai contoh Lembaga Pemasaran Malaysia (FAMA).

#### **Soalan 10 (a)**

Prestasi calon adalah baik. Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Calon dapat menyatakan sebab peningkatan harga dengan wujudnya pemborong. Sebahagian kecil calon gagal memberi jawapan yang tepat. Calon dikehendaki mengaitkan kesan harga dengan wujudnya pemborong.

#### **Soalan 10 (b)**

Prestasi calon adalah baik. Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon dapat menyatakan dua aktiviti pemasaran yang dibuat oleh pemborong. Terdapat juga calon yang hanya memberi satu aktiviti sahaja. Soalan menghendaki calon menyenaraikan dua aktiviti untuk meningkatkan harga barangan.

#### **Soalan 11**

Prestasi calon adalah sederhana kerana sebahagian calon dapat menyatakan faktor penawaran dengan tepat. Terdapat calon yang keliru dengan faktor permintaan. Soalan menghendaki calon menyatakan dua faktor yang mempengaruhi penawaran produk pertanian.

#### **Soalan 12**

Prestasi calon adalah sederhana kerana sebahagian calon dapat menamakan jenis kemudahan kredit dengan betul. Sebahagian kecil calon memberi jawapan yang salah. Soalan menghendaki calon menamakan jenis kemudahan kredit seperti arahan soalan.

### **Soalan 13**

Prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon memahami kepentingan kerajaan mewajibkan pendaftaran perniagaan. Terdapat juga calon yang gagal memberi jawapan yang tepat. Soalan menghendaki calon memberi jawapan kepentingan kerajaan mewajibkan pendaftaran perniagaan.

### **Soalan 14**

Prestasi calon adalah baik kerana sebahagian besar calon dapat memberi bilangan maksimum milikan perniagaan. Terdapat juga calon memberi jawapan secara umum dan kurang tepat. Soalan menghendaki calon menyatakan dengan tepat bilangan maksimum rakan kongsi seperti arahan soalan.

### **Soalan 15**

Prestasi calon adalah baik kerana sebahagian calon dapat menyatakan dokumen penting semasa menuntut gantirugi kemalangan. Sebahagian calon memberi jawapan yang salah dengan menyatakan dokumen asal seperti kad pengenalan asal. Soalan menghendaki calon memberi jawapan salinan dokumen penting seperti salinan kad pengenalan.

### **Soalan 16**

Prestasi calon adalah sederhana kerana sebahagian calon dapat memberi jawapan kepentingan menggred dengan tepat. Terdapat juga calon keliru dengan aktiviti pemasaran yang lain menyebabkan jawapan kurang tepat. Soalan menghendaki calon menyatakan dua kepentingan menggred sebelum pemasaran dibuat.

### **Soalan 17**

Prestasi calon adalah baik. Sebahagian besar calon dapat menyatakan ciri perniagaan dengan tepat. Walau bagaimanapun terdapat calon keliru dengan jenis milikan perniagaan. Soalan menghendaki calon menyatakan bentuk perniagaan samada perniagaan borong atau perniagaan runcit.

### **Soalan 18**

Prestasi calon adalah rendah. Kebanyakan calon gagal memberikan cara untuk meningkatkan jualan. Kebanyakan calon kurang memahami maksud nanas berkaleng. Soalan menghendaki calon memberi jawapan dua cara meningkatkan jualan nanas berkaleng. Calon mesti mengetahui maksud berkaleng.

### **Soalan 19**

Prestasi calon adalah sederhana kerana sebahagian calon memberi jawapan dengan agak baik. Terdapat juga calon tidak dapat mengaitkan penubuhan pasar tani dengan Dasar Pertanian Negara. Soalan menghendaki calon mengaitkan konsep penubuhan pasar tani dengan Dasar Pertanian Negara.

## **Soalan 20**

Prestasi calon adalah rendah. Sebahagian kecil calon dapat membezakan antara agen dengan broker. Kebanyakan calon kurang memahami maksud ejen dan broker. Soalan menghendaki calon membezakan di antara ejen dengan broker.

## **Bahagian B**

### **Soalan 1(a)**

Prestasi calon adalah rendah. Sebilangan kecil calon dapat membezakan antara kiriman wang dengan wang pos. Kebanyakan calon tidak dapat membezakan dengan tepat antara kiriman wang dengan wang pos. Soalan menghendaki calon membezakan dengan betul antara kiriman wang dengan wang pos.

### **Soalan 1(b)**

Prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat memberi jawapan yang baik tujuan menyimpan hasil pertanian. Terdapat juga calon memberi jawapan yang melibatkan aktiviti pemasaran yang lain. Soalan menghendaki calon menganalisis pernyataan yang diberi berpandukan rajah 3.

### **Soalan 1(c)**

Prestasi calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat memberi jawapan yang tepat mengikut peraturan pemarkahan iaitu calon boleh menerangkan masalah pemasaran yang diberi. Terdapat juga calon yang hanya menulis fakta sahaja dan tidak menerangkan dengan jelas menyebabkan calon kehilangan markah. Soalan menghendaki calon menganalisis dan menerangkan pernyataan yang diberi dalam rajah 3.

### **Soalan 2 a) (i)**

Prestasi calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik dengan menerangkan maksud pinjaman bercagar. Terdapat juga calon yang hanya memberi maksud tanpa menyatakan nilai cagaran. Soalan menghendaki calon menerangkan maksud pinjaman bercagar dan menyatakan kepentingan cagaran kepada pemiutang.

### **Soalan 2 a) (ii)**

Prestasi calon adalah rendah. Sebilangan kecil calon dapat mengira dengan betul. Calon tidak membuat jadual bayaran balik pinjaman dengan tepat. Soalan menghendaki calon mengira pinjaman dan menyediakan bayaran balik pinjaman.

### **Soalan 2 b) (i)**

Prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat memahami maksud sewa beli dan dapat menerangkan maksud sewa beli dengan baik. Sebilangan calon hanya dapat memberi dua kepentingan sewa beli. Soalan menghendaki calon menerangkan tiga kepentingan sewa beli kepada peladang.

### **Soalan 2 b) (ii)**

Prestasi calon adalah rendah. Kebanyakan calon gagal membezakan antara sewa beli dengan pinjaman bercagar seperti arahan soalan. Soalan menghendaki calon memberi dua perbezaan yang tepat antara sewa beli dengan pinjaman bercagar. Calon akan kehilangan markah sekiranya tidak menunjukkan perbezaan yang jelas.

### **Soalan 3 (a)**

Prestasi calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat menyatakan sumber maklumat untuk menyediakan belanjawan dengan baik. Terdapat juga calon yang kurang jelas dengan arahan soalan dan memberi jawapan maklumat penting dalam aliran kewangan. Soalan menghendaki calon menyenaraikan empat sumber maklumat untuk menyediakan belanjawan seperti maklumat dari risalah pertanian.

### **Soalan 3 (b)**

Prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat memberi jawapan tindakan pengurus untuk mengatasi tanah terhad. Terdapat juga calon yang hanya menyenaraikan fakta dan kurang mahir dalam penerangan. Soalan menghendaki calon mencari jalan penyelesaian dan menerangkan setiap jalan penyelesaian dengan jelas.

### **Soalan 3 (c)**

Prestasi calon adalah sederhana. Sebahagian calon dapat mengkaji maklumat dan memberi alasan dengan baik. Terdapat juga calon kurang mahir dalam menganalisis maklumat yang diberi. Soalan menghendaki calon mengkaji maklumat dalam jadual 2 dengan memilih pelbagai tanaman yang menguntungkan untuk diusahakan, beri alasan dan buat penerangan.

### **Soalan 4 (a)**

Prestasi calon adalah sederhana. Sebahagian calon dapat menyatakan semua faktor pengeluaran dan membuat penerangan dengan baik. Terdapat juga calon keliru dengan memberi jawapan aktiviti pemasaran menyebabkan calon kehilangan markah. Soalan menghendaki calon menyenaraikan dan menerangkan empat faktor pengeluaran mengurus ladang ternakan ayam.

### **Soalan 4 (b)**

Prestasi calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat menerangkan sifat kepimpinan yang ada pada seorang pengurus ladang. Sebahagian kecil calon memberikan jawapan yang membawa maksud yang sama. Soalan menghendaki calon menerangkan empat sifat kepimpinan yang mana setiap sifat kepimpinan tidak memberi maksud yang sama.

### **SARANAN KEPADA CALON**

1. Calon memperbanyakkan latihan dan perbincangan supaya lebih mahir dan berkeyakinan.
2. Calon dikehendaki memahami kehendak soalan sebelum menjawab.
3. Calon perlu memahami kata tugas setiap soalan.
4. Calon perlu menerangkan dengan tepat dan jelas bagi setiap soalan.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Menekankan pengajaran soalan berbentuk penerangan.
2. Melatih calon memahami maksud penting dalam pengurusan ladang.
3. Melatih calon menjawab soalan penerangan dalam bentuk fakta dan bukan dalam bentuk karangan.
4. Perjumpaan antara guru supaya wujud keselarasan dalam pengajaran.